
ADNIN ROSLAN
DARI PENULIS
BESTSELLER
500,000
NASKHAH TERJUAL
"Mungkin selama ini, aku lupa untuk meminta kesembuhan dari Sang Maha Penyembuh"
Tuhan,
AKU INGIN
SEMBUH
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

12/11/2026
TOM
Gift

# Tuhan, AKU INGIN SEMBUH

*Tuhan, aku ingin sembuh,*
*sudah lelah menangis dan mengeluh,*
*dengan putus asa inginku menjauh, di*
*hadapan-Mu kini kubersimpuh.*

Teristimewa Buat: Tun Dr. Siti Hasmah

"Daripada seorang wanita kepada seorang wanita
Semoga Allah sentiasa melimpahkan
Ke'afiatan, keberkatan dan ketenangan
buat Tun sekeluarga. Terima kasih
kerana menjadi inspirasi ketabahan,
kelembutan dan kebijaksanaan."

Dengan penuh hormat & kasih,

Adnin Roslan

Mariarti Chedjah Mohamed Ghazali

PUSTAKA PERDANA
1014099
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA * PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION *
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

#293989

# TUHAN, AKU INGIN SEMBUH

Ini adalah tulisan Adnin Roslan




Copyright © 2023 Sentap Press Sdn. Bhd.
HAK CIPTA TERPELIHARA

ISBN: 978-967-2118-41-1

**Diterbitkan oleh:**

Sentap Press Sdn. Bhd.
No. 22 Jalan Pegaga F,
U12/F Desa Alam, 40170,
Shah Alam, Selangor

**Telefon pejabat:** 011-5771 9868

www.tarbiahsentap.com
@tarbiahsentapofficial
@tarbiahsentapofficial
@tarbiahsentap
@tarbiahsentapp
@tarbiahsentap

**Penulis** : Adnin Roslan
**Editor** : Abu Firdaus
**Reka Bentuk Kulit** : @hono_suika
**Reka Letak** : Abu Firdaus

Cetakan 1: Mei 2023
Cetakan 2: Jun 2023
Cetakan 3: Julai 2023
Cetakan 4: Ogos 2023
Cetakan 5: September 2023
Cetakan 6: Oktober 2023
Cetakan 7: Januari 2024
Cetakan 8: Februari 2024
Cetakan 9: Mac 2024
Cetakan 10: April 2024
Cetakan 11: Mei 2024
Cetakan 12: Jun 2024
Cetakan 13: Julai 2024
Cetakan 14: Ogos 2024
Cetakan 15: Ogos 2024
Cetakan 16: September 202
Cetakan 17: September 202
Cetakan 18: Oktober 2024
Cetakan 19: November 2024
Cetakan 20: Disember 2024
Cetakan 21: Disember 2024
Cetakan 22: Disember 2024
Cetakan 23: Januari 2025
Cetakan 24: Februari 2025
Cetakan 25: Mac 2025

**Diedarkan oleh:**
Crescent News (K.L.) Sdn Bhd
19 & 21, Jalan SBC 3, Taman Sri Batu
Caves 68100 Batu Caves, Selangor,
Malaysia.

**Dicetak oleh:**
Mihas Grafik Sdn. Bhd.
No. 9, Jalan SR 4/19,
Taman Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan,
Selangor.

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan menerbit, mengulang cetak, mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, fotografi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain yang direka pada masa akan datang sebelum mendapat izin bertulis daripada pengarah urusan Sentap Press Sdn Bhd.

297.57

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA


Baca buku ini
sambil layan lagu
Tarbiah Sentap
Imbas Kod QR
dengan telefon anda
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kuhadiahkan buku ini kepada mereka yang ingin sembuh dari rasa yang menyesakkan jiwa. Kudoakan agar tenang hatimu, gembira hidupmu dan pergimu dari dunia dengan senyuman bahagia.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# Isi kandungan


**Isi Kandungan** 5

**Muqaddimah** 8

**Januari:** Cinta 11

**Februari:** Harap 49

**March:** Takut 85

**April:** Kecewa 125

**Mei:** Ujian 159

**Jun:** Hilang 197

**Julai:** Salah 231

**Ogos:** Putus asa 269

**September:** Khianat 305

**Oktober:** Sabar 343

**November:** Syukur 381

**Disember:** Rindu 421



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

بسم الله الرحمن الرحيم

*Dengan nama Allah, al-Rahman al-Rahim,*
*aku mulakan bacaan buku ini*

# Muqaddimah

بسم الله الرحمن الرحيم

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.*

Syukur kepada Allah swt yang telah memberi taufik dan hidayah serta kesihatan, sehingga akhirnya saya dapat menulis buku TUHAN, AKU INGIN SEMBUH ini.

Sahabat yang saya cintai.

Menjadi sihat adalah tuntutan agama. Kita dituntut untuk sihatkan iman dan jasad. Sihatnya iman dan jasad adalah 2 anugerah terindah dari Allah yang Maha Indah.

Maka, wajib untuk kita pelihara dan menjaga 2 anugerah ini, semampunya.

Andai iman atau jasadmu sakit, kau perlu berjuang untuk sembuh. Jangan biarkan ia sakit berterusan, takut-takut, jasadmu mati tanpa iman.

Zaman kini, penyakit lemahnya iman dan jasad ini, makin menular, hatta terkadang jika juga dijangkiti virus bahaya ini. Hingga hilangnya kemanisan iman, rosaknya hati, mental dan jasad.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Ramai yang mula lupa tujuan hidup, hilang makna hidup, kosong jiwanya, dan resah hatinya.

Setiap masalah yang berlaku seolah tiada jalan keluar, hingga akhirnya ramai yang memilih untuk putus-asa, kerana tak sanggup lagi memikul beratnya perjuangan.

Akhirnya, kesengsaraan ini terus menular liar dari hati ke hati, jiwa ke jiwa, lalu lahirlah generasi yang manja, lemah, tidak berprinsip, takut untuk berjuang, dan bersenang-lenang dalam lautan kegelapan.

Kerana itulah, buku TUHAN, AKU INGIN SEMBUH ini ditulis.

Agar kau dan aku, kembali celik akan makna hidup, kembali bercahaya hati yang gelap, kembali sinar jiwa yang selama ini suram, dan kembali kuat menjalani liku-liku hidup.

Sahabat...

Teruslah berjuang.

Jangan pernah berhenti berjuang menyembuhkan diri.
Tuhan takkan sia-siakan perjuanganmu.

Yang benar,

*Adnin Roslan*



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Tuhan, aku ingin sembuh
dalam menghadapi
cinta yang menyesakkan jiwa.

# Januari

*Tentang Cinta*



# 1
# Januari

Lazatnya cinta,
mewangi, menari di dalam jiwa.
Degupan jantung mula mengikut irama;
irama kasih dan sayang kepada yang dicinta.

Tiada lagi yang aku harapkan,
melainkan kekal bersama dengan kecintaan,
kecintaan yang juga dicintai oleh Tuhan.

Di sini,
dan di sana.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# 2
# Januari

Ada yang kata,
cinta itu buta.

Bagi aku, cinta tidak buta.
Bahkan cinta itu mencelikkan mata.

Membuka mata untuk melihat dunia dengan warna,
membuka jiwa agar merindui syurga,

Syurga yang aku rindukan itu ada syaratnya,
hendaklah aku mencintai yang layak dicintai.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# 3
# Januari

Cinta itu buta?
Ada benarnya juga.

Lihatlah dengan matamu,
berapa ramai yang sedang bercinta,
dijajah rasa cinta, diselebungi kehangatannya,

Lalu akhirnya menjadi buta.
Buta dari suruhan agama,
kerana tinggalkan kewajiban dari-Nya.

Buta dari larangan agama,
kerana melakukan maksiat dan dosa noda.

Sungguh bahaya jadi buta kerana cinta,
kerana Dia akan butakanmu di hari akhirat kelak.

Walaupun di dunia dulu kau ada dua mata.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# 4
# Januari

Dahulunya,
aku pernah rasa bahawa
tujuanku adalah cinta dan penghargaan manusia.

Namun entah mengapa,
semakin aku mengejarinya
semakin hatiku terasa kosong dan sunyi.

Atau selama ini,
tujuan hidupku sudah lari?



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# 5
# Januari

Mengejar cinta dan penghargaan manusia,
semakin hari semakin aku rasa tiada makna.

Ibarat mengharapkan hilangnya haus dahaga,
dengan meminum seluruh air di lautan sana.

Akhirnya,
hausku semakin menggila,
jasadku pula semakin merana.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# 6

## Januari

Sebenarnya,
cinta itu apa?

Rasa suka?
Rasa tenang tika menatap wajahnya?
Rasa bahagia saat bersama di sisinya?

Tidak.

Cinta itu bagiku adalah pengorbanan.
Sanggup berkorban buat dia yang dicintai.

Cinta tanpa pengorbanan itu adalah dusta dan palsu.

Walaupun dihiasi dengan fatamorgana "bahagia".
Yang hakikatnya cuma fantasi yang dusta.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# SINOPSIS

TUHAN, AKU INGIN SEMBUH adalah sebuah monolog, luahan, pesanan, surat, dan pujukan buat mereka-mereka yang diuji hingga dirinya hampir mengalah.

Tak salah nak bersedih, namun berterusan dalam kesedihan itu terkadang membuatkan hatimu bertambah luka. Air mata jernih yang mengalir di pipimu, bisa merubah menjadi racun yang akan membunuhmu.

Kerana itu, carilah kesembuhan. Namun, dalam perjuanganmu untuk sembuh, jangan pernah lupa untuk meminta dari Sang Maha Penyembuh.

*Healing*, jangan sampai hilang.

| | |
|---|---|
| SEMENANJUNG | RM35 |
| SABAH & SARAWAK | RM38 |

ISBN 978-967-2118-41-1

tarbiahsentap

IKUTI **TARBIAH SENTAP** DI LAMAN-LAMAN MEDIA SOSIAL:

www.tarbiahsentap.com
@tarbiahsentapp
@tarbiahsentap
@tarbiahsentapofficial
@tarbiahsentap

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA